# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to apply for the Trade Services Facility. Please be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer.

The information given below is merely general information of the product. Terms & Conditions may vary on case to case basis.

RHB

**RHB Bank Berhad (6171-M)**

**Export Factoring Facility (EFF) – Receivables Purchase Program for Exporters**

## PRODUCT INFORMATION

Export Factoring Facility (EFF) is a receivables purchase program for exporters that offers a unique financial solution combining credit risk protection, working capital as well as collection and receivable services to the exporters.

Under the EFF, an agreement will be signed between exporter (seller/customer) and RHB Bank Berhad (RHB) (as "Export Factor"). RHB purchases eligible / approved duly assigned accounts receivables / debts from the exporters. RHB undertakes the responsibility for collection and payment from pre-approved importers (buyers). Advance / prepayment on eligible / approved debts is available at an attractive discount rate.

## FEES, EXPENSES AND TAXES

For the avoidance of doubt, the customer shall bear all professional fees, taxes (including but not limited to service tax or Goods and Services Tax "GST"), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of this product.

GST - Standard Rated Supply (0%) applicable for all fees and charges unless otherwise stated below.

| TYPE OF CHARGES / SERVICES | SALIENT FEES AND CHARGES (Inclusive of GST) |
|---|---|
| **Factoring / Receivable Purchase Fee** | Charge in a percentage of the invoice / receivable / debt value subject to a few factors including industry type, sales turnover, payment term and credit standing of buyer(s). |
| **Discount Charge / Rate based on prepayment currency** | Ringgit Malaysia: Revolving Credit Cost of Funds (COF) + Spread; or<br>Foreign Currency: Effective Cost of Funds (ECOF) + Spread<br><br>Where the spread will be subject to credit evaluation on exporter's risks.<br><br><u>Discount Charge/Rate</u><br>• Collected upfront.<br>• Shall be computed from the prepayment date until the maturity date of the Invoice.<br><br>Minimum Prepayment tenure is 14 days. |

<table>
<tr><th>TYPE OF CHARGES / SERVICES</th><th>SALIENT FEES AND CHARGES (Inclusive of GST)</th></tr>
<tr><td></td><td>Discount Charge/Rate calculation:<br><br>Discount Charge = Prepayment x (COF or ECOF + spread%) x Tenure / 365 or 360<br><br>GST – Exempt Supply</td></tr>
<tr><td>Additional Discount Charge/Rate on Customer<br>(applicable for late payment by Buyer calculated from invoice due/expiry date until payment is received or to the end of credit protection event, whichever is earlier)</td><td>COF / ECOF + 3.50% per annum<br><br>GST – Exempt Supply</td></tr>
<tr><td><u>Other Fees & Charges</u></td><td></td></tr>
<tr><td>Collection services only</td><td>Flat Fee in percentage of the invoice/receivable/debt value.</td></tr>
<tr><td>Documents / Agreement Stamping fees</td><td>Nominal</td></tr>
<tr><td>Cost of SWIFT</td><td><table><tr><th></th><th>Payment /Short (RM)</th><th>Long (RM)</th></tr><tr><td>Local</td><td>10.00</td><td>25.00</td></tr><tr><td>Singapore</td><td>25.00</td><td>35.00</td></tr><tr><td>Asia</td><td>25.00</td><td>70.00</td></tr><tr><td>Others</td><td>30.00</td><td>80.00</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>Cost of RENTAS</td><td>RM3.00</td></tr>
<tr><td>Cost of Interbank GIRO (IBG)</td><td>RM2.00</td></tr>
<tr><td>Handling (Service) Fee</td><td>Payment – RM5.00<br>Stamping – RM5.00</td></tr>
<tr><td>Postage / Delivery Charges<br>Local Party:<br>• Normal mail<br>• Registered mail<br>• Courier / hand delivery<br><br>Foreign Party:<br>• Normal mail<br>• Registered mail<br>• Courier / hand delivery</td><td><br><br>• RM2.00<br>• RM3.00<br>• Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00<br><br><br>• RM3.00<br>• RM5.00<br>• Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00</td></tr>
</table>

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 1-June-2018

**CUT-OFF TIME FOR TRANSACTION TO BE PROCESSED**

Processing EFF: 12.00pm upon completion and perfection of all documentation.

Foreign currency payment processing is subject to the respective foreign currency cut-off processing time.

Processing/payment via RENTAS : 12.00pm

Processing/payment via IBG : 12.00pm

**BRIEF TERMS & CONDITIONS**

Generally, EFF is made available for new or existing customers of the Bank who are exporters with borrowing or non-borrowing and subject to Bank's credit evaluation. EFF limit is capped at RM5.0 million per customer / exporter with each buyer limits assigned based on the Bank's credit evaluation.

EFF Scope:

- Credit protection on eligible receivables/debts for protracted default and/or insolvency of approved buyers.
- Advance/prepayment on eligible/approved receivables/debt.
- Collection services factoring i.e. non-advance factoring.

Scope of EFF Advance/prepayment:

- Exports
- Sales on credit term not exceeding 180 days. Sales under cash term are not eligible.
- Open account
- Whole turnover or selective buyer basis

All invoices / receivables / debts for the pre-approved buyers must be assigned to the Bank. The Bank may purchase the eligible/approved invoices / receivables / debts with or without advance/prepayment. Advance / prepayment may be up to 85% on eligible / approved invoices / receivable / debts value at the Bank's discretion.

The advance / prepayment tenure shall be the balance of the credit tenure granted by the customer to the buyer not exceeding the approved advance / prepayment tenure with minimum tenure of 14 days. The maturity date must be specific and determined upfront as reflected in invoices.

Payment under approval (PUA) refers to payment by RHB to customer due to non-payment from approved buyer on eligible/approved receivables/debts. PUA will be made within thirty (30) days to customer after occurrence of the credit protection event or as the Bank may notify customer.

*(Credit protection event is where a buyer fails to pay the full amount of an approved debt within 90 days from due date of the debt in accordance with the terms of the relevant contract of sales or service, or such other period as the Bank specifies.)*

Depending on the arrangement, commission / receivable purchase fee is inclusive of the appropriate charges which may or may not consist of out of pocket expenses. The same may be chargeable upfront at source. The details will be provided in the Letter of Offer on approval of the Credit Application.

In case there is any commercial dispute between the customer and the buyer, the customer shall repurchase the disputed invoices / receivables / debts. Any prepayment made in advance will be debited from the customer's account.

**DEFAULT PAYMENT**

In case of non-payment by approved buyer on the due date of the approved debts, the buyer's limit will be frozen. Any further purchase or advance / prepayment of receivables will be at the Bank's discretion.

In case of payment of the approved debt not received 90 days after the due date (define as the credit protection period), the Bank may cancel the buyer's limit.

Additional discount charge on customer at COF / ECOF + 3.50% shall be imposed on all expired approved debts. The additional discounting charge shall be computed from the day the invoice turns expired until settlement.

Expired bill penalty fee of RM100.00 will be levied.

**CONTACT DETAILS**

Should you require any further information, please contact us at:

**Group Transaction Banking Product**
**RHB Bank Berhad**
**Level 3, Tower 3,**
**RHB Centre,**
**Jalan Tun Razak,**
**50400 Kuala Lumpur**
**Tel:(603)92806323 / 92807254 / 92806615 / 92806601/ 92807076 / 92806086**
**Or visit**
**http://www.rhbgroup.com/**
**(Business / Transaction Banking) for regional offices contact details.**

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 1-June-2018

| | |
|---|---|
| **LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**<br><br>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan sama ada untuk memohon Kemudahan Perkhidmatan Dagangan. Sila pastikan juga anda telah membaca Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.<br><br>Maklumat yang diberikan di bawah hanyalah maklumat am tentang produk. Terma-terma & Syarat-syarat mungkin berbeza bergantung kepada keadaan. | **RHB Bank Berhad (6171-M)**<br><br>**Kemudahan Pemfaktoran Eksport (EFF) – Program Pembelian Penghutang Belum Terima untuk Pengeksport** |

**MAKLUMAT PRODUK**

Kemudahan Pemfaktoran Eksport (‘Export Factoring Facility’) (EFF) adalah program pembelian penghutang belum terima untuk pengeksport yang menawarkan penyelesaian kewangan unik yang menggabungkan perlindungan risiko kredit, modal kerja serta perkhidmatan kutipan dan penghutang belum terima untuk pengeksport.

Di bawah EFF, suatu perjanjian akan ditandatangani antara pengeksport (penjual/pelanggan) dan RHB Bank Berhad (RHB) (sebagai “Faktor Eksport”). RHB membeli akaun penghutang belum terima/hutang yang layak/diluluskan yang diserah hak dengan sewajarnya daripada pengeksport. RHB menanggung tanggungjawab untuk pungutan dan pembayaran daripada pengimport yang diluluskan terlebih dahulu (Pembeli). Pembayaran terdahulu/pra-pembayaran terhadap hutang yang layak/diluluskan disediakan pada kadar diskaun yang menarik.

**FI, PERBELANJAAN DAN CUKAI**

Untuk mengelakkan keraguan, pelanggan hendaklah menanggung semua fi profesional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau Cukai Barangan dan Perkhidmatan “GST”), dan perbelanjaan tunai langsung yang ditanggung dan sebarang fi, perbelanjaan atau hak tuntut lain terhadap produk ini.

GST - Pembekalan Berkadar Standard (0%) dikenakan terhadap semua fi dan caj kecuali dinyatakan sebaliknya di bawah.

| **JENIS CAJ / PERKHIDMATAN** | **FI DAN CAJ YANG BERKENAAN (Termasuk GST)** |
|---|---|
| **Fi Pemfaktoran/Pembelian Penghutang Belum Terima** | Caj dari segi peratusan nilai invois/belum terima/hutang tertakluk kepada beberapa faktor termasuk jenis industri, perolehan jualan, terma pembayaran dan kedudukan kredit pembeli. |
| **Caj / Kadar Diskaun berdasarkan mata wang pra-pembayaran** | Ringgit Malaysia: Kos Dana (COF) Kredit Pusingan + Tebaran; atau<br>Mata Wang Asing: Kos Dana Efektif (ECOF) + Tebaran<br><br>Dan Tebaran adalah tertakluk kepada penilaian kredit terhadap risiko pengeksport.<br><br><u>Caj/Kadar Diskaun</u><br>• Dipungut terlebih dahulu.<br>• Akan dikira dari tarikh pra-pembayaran sehingga tarikh matang Invois.<br><br>Tempoh Pra-pembayaran minimum adalah 14 hari. |

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 1 Jun 2018

| JENIS CAJ/PERKHIDMATAN | FI DAN CAJ YANG BERKENAAN |
|---|---|
| | **Pengiraan Caj / Kadar Diskaun:**<br>Caj Diskaun = $\frac{\text{Pra-pembayaran x (COF atau ECOF + Tebaran\%) x Tempoh}}{\text{365 atau 360}}$<br>GST – Pembekalan Dikecualikan |
| **Caj / Kadar Diskaun Tambahan terhadap Pelanggan**<br>*(dikenakan terhadap pembayaran lewat oleh Pembeli yang dikira dari tarikh invois kena dibayar/luput sehingga pembayaran diterima atau hingga tamat peristiwa perlindungan kredit, yang mana lebih awal)* | COF / ECOF + 3.50% setahun<br>GST – Pembekalan Dikecualikan |
| **<u>Fi & Caj Lain</u>** | |
| **Perkhidmatan pungutan sahaja** | Fi Tetap ('Flat Fee') dari segi peratusan nilai invois / belum terima / hutang. |
| **Fi Setem Dokumen/Perjanjian** | Nominal |
| **Kos SWIFT** | (see table below) |
| **Kos RENTAS** | RM3.00 |
| **Kos Interbank GIRO (IBG)** | RM2.00 |
| **Fi Pengendalian (Perkhidmatan)** | Pembayaran – RM5.00<br>Kos mematikan setem – RM5.00 |
| **Caj Pos/Penghantaran**<br>**Pihak Tempatan:**<br>• **Pos biasa**<br>• **Pos berdaftar**<br>• **Kurier/penyerahan tangan** | <br><br>• RM2.00<br>• RM3.00<br>• Caj kurier/penghantaran sebenar ditambah RM5.00, Min RM10.00 |
| **Pihak Asing:**<br>• **Pos biasa**<br>• **Pos berdaftar**<br>• **Kurier / penyerahan tangan** | <br>• RM3.00<br>• RM5.00<br>• Caj kurier/penghantaran sebenar ditambah RM5.00, Min RM10.00 |

Kos SWIFT:

| | Pembayaran /Pendek (RM) | Panjang (RM) |
|---|---|---|
| **Tempatan** | 10.00 | 25.00 |
| **Singapura** | 25.00 | 35.00 |
| **Asia** | 25.00 | 70.00 |
| **Lain-lain** | 30.00 | 80.00 |

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 1 Jun 2018

**MASA PENGGALAN UNTUK PEMPROSESAN TRANSAKSI**

Pemprosesan EFF: 12.00 tengah hari setelah semua dokumen siap dan disempurnakan.

Pemprosesan pembayaran mata wang asing adalah tertakluk kepada masa penggalan pemprosesan mata wang asing masing-masing.

Pemprosesan/pembayaran melalui RENTAS : 12.00 tengah hari

Pemprosesan/pembayaran melalui IBG : 12.00 tengah hari

**TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT RINGKAS**

Secara amnya, EFF disediakan kepada pelanggan baharu atau sedia ada RHB yang merupakan pengeksport dengan peminjaman atau tanpa peminjaman dan tertakluk kepada penilaian kredit RHB. Had EFF dibataskan pada RM5.0 juta setiap pelanggan/pengeksport dan setiap had pembeli yang dikenakan adalah berdasarkan penilaian kredit oleh RHB.

Skop EFF:

- Perlindungan kredit terhadap penghutang belum terima/hutang layak kerana kelewatan yang berpanjangan dan/atau insolvensi pembeli yang diluluskan.
- Pembayaran terdahulu/pra-pembayaran terhadap penghutang belum terima/hutang yang layak/diluluskan.
- Pemfaktoran perkhidmatan pungutan iaitu pemfaktoran tanpa pendahuluan (‘non-advance factoring’).

Skop EFF Pembayaran terdahulu/pra-pembayaran:

- Eksport
- Penjualan terhadap tempoh kredit tidak melebihi 180 hari. Penjualan menurut terma tunai adalah tidak layak.
- Akaun terbuka
- Berdasarkan perolehan keseluruhan atau pembeli terpilih

Semua invois/penghutang belum terima/hutang untuk pembeli yang diluluskan terdahulu hendaklah diserah hak kepada Bank. Bank boleh membeli invois/penghutang belum terima/hutang yang layak/diluluskan dengan atau tanpa pembayaran terdahulu/pra-pembayaran. Pembayaran terdahulu/pra-pembayaran boleh mencapai sehingga 85% daripada nilai invois/penghutang belum terima/hutang yang layak/diluluskan menurut budi bicara Bank.

Tempoh pembayaran terdahulu/pra-pembayaran adalah jumlah baki tempoh kredit yang diberikan oleh pelanggan kepada pembeli yang tidak melebihi tempoh pembayaran terdahulu/pra-pembayaran yang diluluskan dengan tempoh minimum selama 14 hari. Tarikh matang hendaklah dinyatakan dengan khusus dan ditentukan terlebih dahulu sebagaimana yang tertera di dalam invois.

‘Payment under approval’ (PUA) merujuk kepada pembayaran oleh RHB kepada pelanggan kerana pembeli yang diluluskan tidak membuat pembayaran terhadap penghutang belum terima/hutang yang layak/diluluskan. PUA akan dibuat dalam masa tiga puluh (30) hari kepada pelanggan selepas berlakunya peristiwa perlindungan kredit atau sebagaimana yang akan dimaklumkan oleh Bank kepada pelanggan.

*(Peristiwa perlindungan kredit berlaku jika pembeli gagal membayar jumlah penuh hutang yang diluluskan dalam masa 90 hari dari tarikh hutang kena dibayar selaras dengan terma-terma kontrak penjualan atau perkhidmatan yang berkenaan, atau sebarang tempoh lain yang ditetapkan oleh Bank.)*

Tertakluk kepada perkiraan/pengaturan, komisyen/fi pembelian penghutang belum terima adalah termasuk caj yang sesuai yang mungkin merangkum perbelanjaan tunai langsung atau tidak. Komisyen/fi pembelian penghutang belum terima mungkin dikenakan terlebih dahulu. Butir-butir akan diberikan dalam Surat Tawaran apabila Permohonan Kredit diluluskan.

Jika terdapat sebarang pertikaian perdagangan antara pelanggan dan pembeli, pelanggan hendaklah membeli balik invois/penghutang belum terima/hutang yang dipertikaikan. Apa-apa pra-pembayaran yang dibuat terdahulu akan didebit daripada akaun pelanggan.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 1 Jun 2018

**PEMBAYARAN INGKAR**

Jika pembeli yang diluluskan tidak membuat pembayaran pada tarikh kena dibayar bagi hutang yang diluluskan, had pembeli akan dibekukan. Sebarang pembelian lanjut atau pembayaran terdahulu/pra-pembayaran terhadap penghutang belum terima adalah menurut budi bicara Bank.

Jika pembayaran hutang yang diluluskan tidak diterima 90 hari selepas tarikh kena dibayar (ditakrifkan sebagai tempoh perlindungan kredit), Bank boleh membatalkan had pembeli.

Caj diskaun tambahan terhadap pelanggan pada COF / ECOF + 3.50% akan dikenakan terhadap semua hutang diluluskan yang luput. Caj pendiskaunan tambahan akan dikira dari tarikh invois menjadi luput sehingga tarikh penyelesaian.

Fi penalti bil luput sebanyak RM100.00 akan dikenakan.

**BUTIR-BUTIR HUBUNGAN**

Sekiranya anda memerlukan sebarang maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

**Group Transaction Banking Product**
**Kumpulan**
**RHB Bank Berhad**
**Aras 3, Menara 3,**
**RHB Centre,**
**Jalan Tun Razak,**
**50400 Kuala Lumpur**
**Tel:(603)92806615 / 92807254 / 92806323 /**
**92806601 / 92806086**
**Atau layari**
**http://www.rhbgroup.com/**
**(Business / Transaction Banking)**
**untuk butir-butir hubungan**
**pejabat wilayah.**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 1 Jun 2018